

**DRAF TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

PROGRAM UTeM KAMPUS BEBAS ASAP ROKOK 2011

*11 April 2011 (Isnin), 2.30 petang
Dewan Auditorium, Bangunan Canselori, Kampus Induk UTeM*

1

Bismillahirrahmanirrahim

(i)Salutasi :

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera*

Terima kasih Pengacara Majlis

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

2

Y.Bhg. Dato' Dr. Hj Azmi bin Hashim
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Tuan-tuan dan Puan-puan
serta mahasiswa UTeM yang dikasihi sekalian,

(ii)Kata Aluan

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam satu majlis yang amat bermakna pada semua warga UTeM iaitu Program UTeM Kampus Bebas Asap Rokok.

3

2. Bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti, saya mengambil kesempatan mengucapkan “Selamat Datang” ke UTeM khususnya kepada Pejabat Kesihatan Negeri Melaka yang telah sedari pagi bersama kita dalam menjayakan program ini. Semoga apa yang dihasratkan membawa kepada jalinan kerjasama yang positif, khususnya ke arah meningkatkan kesedaran warga Universiti terhadap inisiatif yang dianjurkan.

(iii)Objektif Program

3. Inisiatif Melaka Bebas Asap Rokok (MBAR) yang dianjurkan oleh Pejabat Kesihatan Negeri iaitu mewujudkan lokaliti sebahagian bandar atau zon sebagai kawasan bebas asap rokok yang mana ianya juga melingkungi sekitar kawasan Universiti Teknikal

4

Malaysia Melaka. “UTeM Kampus Bebas Asap Rokok” merupakan tindakan kesinambungan, seiring dengan visi Melaka Maju iaitu ke arah memperkasakan masyarakat dalam konteks melindungi kesihatan rakyat sejagat. Dengan mewujudkan kampus UTeM sebagai Zon Bebas Asap Rokok, **hak golongan majoriti bukan perokok** dari ancaman pencemaran udara oleh asap rokok dapat **dilindungi**, menggalakkan “tidak merokok” sebagai **amalan cara hidup sihat** di kalangan warga serta secara tidak langsung membantu usaha Kerajaan Negeri Melaka ke arah **mengekalkan status** “Bandaraya Warisan Dunia” serta **mendapat pengiktirafan** Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai Negeri Bebas Asap Rokok Tahun 2013.

5

Hadirin sekalian,

(iv) **Statistik kesihatan tentang rokok & kesannya**

4. Penemuan saintifik menyatakan asap rokok mengandungi 4000 bahan kimia di mana 69 daripadanya diketahui boleh menyebabkan pelbagai jenis kanser dan 200 lagi adalah bahan toksik. Antara bahan kimia yang dikenalpasti terkandung dalam sebatang rokok ialah acetic acid, butane, methane, toluene, carbon monoxide dan banyak lagi bahan kimia berbahaya yang lain. Statistik menunjukkan kesan kesihatan daripada aktiviti merokok ialah **90%** menghidap penyakit kanser paru-paru, **75%** menghidap penyakit bronchitis dan emphysema yang kronik manakala **25%** kes adalah ischaemic heart disease.

6

Selain itu penggunaan tembakau merupakan faktor risiko terhadap 6 daripada 8 punca kematian utama di dunia.

5. Di Malaysia, dianggarkan **10,000** kematian setiap tahun akibat aktiviti merokok dan **satu kematian untuk setiap 5.8 saat**. Menurut WHO “Death Clock” bertarikh 20 Oktober 2008 mencatat 39,793,753 kematian akibat merokok. Selain itu, pencemaran asap rokok di dalam bangunan lebih bahaya daripada di luar bangunan. Kajian di Bangkok telah membuktikan kualiti udara bangunan yang mengamalkan polisi bebas asap rokok adalah 8 kali ganda lebih baik daripada yang tidak mengamalkan polisi ini. Dari aspek ekonomi Negara, sebanyak RM 3 bilion setahun digunakan untuk rawatan 3

7

penyakit kronik (paru-paru, sakit jantung dan kanser paru-paru) daripada 30 jenis penyakit serius akibat aktiviti merokok.

Hadirin yang dikasihi,

(v) **Strategi & aktiviti pengisian program**

6. Salah satu strategi untuk merealisasikan Kampus Bebas Asap Rokok ialah dengan **membina upaya dan jaringan kerjasama antara agensi**. Antaranya ialah menggunakan kreativiti pelajar IPT dalam membuat perubahan kepada cara hidup sihat. Oleh yang demikian, **pasukan “Green Lung”** iaitu pertubuhan sukarela yang dipimpin oleh mahasiswa akan dengan aktifnya mempromosi serta menjadi advokasi ke arah kampus bebas

8

asap rokok. “Green Lung” membawa maksud paru-paru yang menghirup udara segar dan bersih dan secara tidak langsung mahasiswa ini merupakan individu yang Tidak Merokok dan menyumbang kepada persekitaran kampus yang sihat dan selamat.

7. Pengisian aktiviti lain yang telah diatur termasuklah mengadakan **kempen** untuk mewujudkan penguatkuasaan sepenuhnya kampus bebas asap rokok seperti yang termaktub dalam Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT) serta **penyebaran informasi** yang berkaitan tentang bahaya asap rokok kepada setiap individu. Seluruh warga kampus perlu bersatu serta bekerjasama demi menjayakan agenda peri pentingnya menjaga persekitaran yang sejahtera

9

khususnya dalam memelihara mahasiswa Universiti selaku generasi muda yang terbilang mindanya dalam bidang akademik serta sihat fizikalnya dari dicemari kesan kesihatan akibat aktiviti merokok.

(v) **Penutup**

8. Saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka kerana telah sudi bekerjasama dengan pihak Universiti dalam menganjurkan program Kampus Bebas Asap Rokok ini. Sekalung syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta semua pihak yang terlibat kerana telah sama-sama berusaha untuk memastikan program ini berjalan

10

dengan lancar. Harapan saya melalui program yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak seterusnya menjadikan persekitaran UTeM Kampus Bebas Asap Rokok satu realiti ke arah melahirkan mahasiswa yang cemerlang dalam akademik dan staf sebagai penggerak kecemerlangan Universiti. Akhir kata, dengan lafaz *Bimillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan Program UTeM Kampus Bebas Asap Rokok Tahun 2011.

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah wassalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*